



**MELONJAK UiTM
DI PERSADA GLOBAL**

**Ekspo Selangkah Ke
UiTM 2016**

**Karnival Pendidikan
Tinggi Negara**

Majlis Pelancaran iM4U

**FSPU Raih Kemenangan
Peringkat Kebangsaan**

**YBhg. Prof Emeritus
Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor UiTM
Yang Baharu**

**UiTM Cemerlang di
ITEX 2016**

**Sambutan
100 HARI
PENTADBIRAN NAIB CANSELOR
& KONFERENSI AKADEMIK 2016**

Sidang Redaksi

Salam@UiTM



PENAUNG

PROF EMERITUS DATO' DR HASSAN SAID



PENASIHAT

Alina Bakar



PENGURUS PRODUKSI

Darus Kasim



KETUA EDITOR

Mohammad Syazwan Mohd



EDITOR

Nurul Afneza Md Zain



WARTAWAN

Hanisah Yacob



WARTAWAN

Firdaus Abd Hanan



WARTAWAN

Nor Azlina Nordin



PELAJAR PRAKTIKAL

Nurul Nur Adliyah Abd Rahman



GRAFIK

Rosdi Abdul Hamid



FOTO

Shazana Shabuddin



FOTO

Roslan Daud



FOTO

Shahida Nordin



FOTO

Shamsul Hidayat Omar



EDARAN

Zawawi Mat Yusuf



EDARAN

Sharil Abd Wahab



EDARAN

Raja Nasrul Raja Hisham

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang memberi kerjasama menyalurkan sumber berita dan gambar yang telah dimuatkan dalam buletin.

PERCETAKAN:
Pusat Percetakan

IDEA, KONSEP & TERBITAN:
BAHAGIAN CANSELERI & KOMUNIKASI KORPORAT

Sidang Redaksi



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



MAJLIS SELAMAT DATANG dan SERAHAN TUGAS NAIB CANSOLOR BAHARU

Tanggal 1 Februari 2016 merupakan hari bersejarah bagi Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said yang telah dilantik sebagai Naib Canselor UiTM yang baharu. Ketibaan beliau disambut oleh Pengurusan Tertinggi UiTM di Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin. Majlis ringkas ini dimulakan dengan menetik kad perakam waktu di ruang lobi diikuti dengan majlis bacan Yassin dan doa selamat di aras 7.

Naib Canselor turut menyampaikan ucapan aluan dan hasrat beliau untuk meneraju UiTM ke peringkat yang lebih tinggi. Majlis turut dihadiri oleh Pengurusan Kanan UiTM, Dekan-dekan Fakulti dan juga Rektor Kampus Negeri.

Pada sebelah petangya pula, bertempat di Hotel UiTM Shah Alam telah diadakan Sesi Penyerahan Nota Serahan Tugas Naib Canselor. Naib Canselor terdahulu YBhg. Tan Sri Dato Sri' Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar telah menyerahkan nota serahan tugas kepada Naib Canselor. Majlis tersebut telah disaksikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Academician Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM.




BIODATA



Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said


Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA
1 Februari 2016



PENDIDIKAN

- 1979** • Ijazah Sarjana Muda
University of Manchester, UK
- 1981** • Ijazah Sarjana
Brunel University, UK (1981)
- 1984** • Ijazah Kedoktoran
Brunel University, UK (1984)

PENGALAMAN KERIAYA



KEAHLIAN PROFESIONAL

- Ahli Majlis Pendidikan Tinggi Negara
- Ketua Projek Khas Pendidikan Swasta,
Majlis Profesor Negara
- Felo, Pertubuhan Matematik Malaysia
- Felo, Institut Matematik dan Aplikasi ITS,
UK (FIMA)
- Felo, Akademi Sains Malaysia (FASc.)


SUMBANGAN

- Governing Board Member of the South-east Asia Ministers of Education
for the Regional Centre of Higher Education (SEAMEO-RIHED), 1999–2008
- Member Board of Directors, Open University Malaysia (OUM),
Asia e-University and Kolej Universiti Yayasan Sabah, respectively
- Chairman, Board of Directors, Kolej Universiti Islam Perlis
- Board Member of Capital Market Development Fund (CMDF)
Securities Commission, Malaysia
- Terlibat dalam penubuhan Universiti Penyelidikan
- Terlibat dalam penubuhan Institut Penyelidikan
Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN)
- Memperkenalkan Generalised Ball Basis Functions (Said Basis Functions)
melalui Computer Aided Geomatic Design (CAGD)

ANUGERAH

- 2014** • Honorary Doctorate (Doctor Honoris Causa)
University of Toulouse Jean Jaures, France
- 2010** • Honorary Doctor of Science
Multimedia University Malaysia (MMU)
- 2010** • Honorary Doctor of Engineering
University of Birmingham, UK
- 2009** • Honorary Doctor of Science
Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
- Doctor of Business Administration (Honorary)
University of West England, UK
- Honorary Doctor of Educational Leadership
Asia e-University, Malaysia (AeU)
- Honorary Doctor of Human Resources Management
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)








Majlis Menghadap Sultan Selangor

Pada 11 Februari 2016, telah berlangsung Majlis Menghadap Sultan Selangor di Istana Mestika Shah Alam, Selangor. YBhg. Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee bin Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Tertinggi UiTM yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, menghadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Alhmarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Prof. Ir Dr Hj Abdul Rahman Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr Haji Zaini Abdullah, Rektor UiTM Selangor dan Puan Azida Azmi, Pendaftar. Tujuan utama majlis ini adalah untuk beramah mesra dan juga membincangkan perkembangan terkini UiTM.





18 Februari 2016, Amanat Tahun Baharu Naib Canselor telah berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam. Amanat yang disampaikan oleh Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said kepada lebih 4000 warga UiTM di DATC dan turut disiarkan secara langsung ke seluruh kampus dalam sistem UiTM.

Bertemakan "Melonjak UiTM di Persada Global" Naib Canselor berharap UiTM haruslah didasari oleh ekosistem pendidikan tinggi yang berevolusi dengan dukungan impak positif, yang mampu mengangkat UiTM ke kedudukan unggul di peringkat antarabangsa. Justeru, apa yang diperlukan ialah pengurusan yang cekap, selain kesepakatan dan kebersamaan dari kalangan warga, dalam menterjemah misi dan visi universiti.

Semoga tahun 2016, UiTM terus mencapai kejayaan gemilang bukan sahaja di peringkat negara, bahkan di persada dunia.

Amanat Tahun Baharu Naib Canselor

9.00 PAGI
18 FEBRUARI 2016
DEWAN AGUNG TUANKU CANSELO

"Melonjak UiTM di Persada Global"



MAJLIS PELANCARAN **iM4U** SENTRAL PUCHONG

9 April 2016 – Majlis Pelancaran iM4U Sentral telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. iM4U Sentral merupakan hab integrasi sosial dan pembangunan kesukarelawan belia di negara ini.



Kompleks serba guna itu dilengkapi kemudahan sukan, seminar dan penginapan yang dibuka kepada orang ramai. Dibina di kawasan seluas 2.23 hektar, kompleks itu menyediakan asrama dua tingkat yang mampu menampung 157 orang, gelanggang futsal, bola keranjang, badminton, bola tampar dan takraw selain gymnasium, dewan serba guna serta bilik kalis bunyi untuk rakaman video dan audio.

Profesor Emeritus Dato' Hassan Said turut hadir ke majlis tersebut dan juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dibuat antara UiTM dan iM4U. Kerjasama yang di buat adalah untuk menjalin hubungan baik UiTM dan pihak iM4U yang memberi manfaat kepada para pelajar UiTM.





Karnival PENDIDIKAN TINGGI NEGARA 2016

Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2016 (Zon 5 – Sarawak) telah berlangsung dengan jayanya pada 19 dan 20 Mac 2016 bertempat di The Pullman Hotel & Hill Shopping Mall, Kuching.

Karnival ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai terutamanya pelajar lepasan SPM dan STPM untuk mendapatkan maklumat serta panduan terperinci dan terkini daripada Universiti Awam dan Swasta yang menyertai pameran pendidikan tersebut.

Universiti Teknologi MARA dalam karnival tersebut, telah dilantik sebagai penyelaras bagi Zon 5, telah menyediakan sebanyak 120 booth yang terdiri daripada pelbagai institusi pendidikan.

YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia telah membuat lawatan ke karnival tersebut selain untuk bersama warga UiTM. Turut sama dalam lawatan tersebut ialah YB Datuk Mary Yap, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi dan Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM.





Majlis Apresiasi dan Penyampian **WATIKAH PELANTIKAN CEO FACULTY 2016**

15 Mac 2016 - Majlis Apresiasi dan Penyampian Watikah Pelantikan CEO Faculty 2016 telah berlangsung di Grand Ballroom, Hilton Hotel. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Turut hadir dalam majlis ini ialah Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said dan juga wakil-wakil UiTM.

CEO Faculty Program yang diperkenalkan oleh KPT dan telah wujud sejak tahun lalu memberi manfaat bukan sahaja kepada industri malah mahasiswa turut diberi pendedahan dan motivasi dalam kebolehpasaran graduan. Program CEO Faculty hasil cetusan idea YB Menteri Pendidikan Tinggi merupakan program yang terbukti berkesan melahirkan graduan yang seimbang dari segi pendidikan dan sahsiah.

CEO yang dilantik untuk UiTM ialah Datuk Seri Syed Zainal, Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah (CEO PNB) dan Datuk Seri Fateh Iskandar (CEO Media Prima Berhad). Seramai 31 CEO dari tokoh industri swasta, syarikat berkaitan kerajaan dan pegawai tinggi kerajaan turut menerima watikah pelantikan CFP ini. Usaha KPT ini adalah sebahagian daripada objektif kerajaan untuk memberi pengiktirafan global kepada Universiti Awam.



Istiadat

KONVOKESYEN UiTM KE-84

Kejayaan Diraikan

Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA kali ke-84 telah berlangsung dengan penuh istiadat dan gemilang bagi meraikan seramai 15,594 orang graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat iaitu Doktor Falsafah (PhD), Sarjana, Sarjana Muda, Diploma dan Diploma Profesional.

Penganugerah pada Sidang Pertama bagi Istiadat Konvokesyen kali ini ialah Tan Sri Dato' Seri Utama (Dr) Arshad Ayub, Pro Canselor UiTM.

Istiadat Konvokesyen pada kali ini juga merupakan istiadat yang julung kali disertai oleh Naib Canselor UiTM yang baharu, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said.

Istiadat yang bermula pada 23 April 2016 di Dewan Agung Tuanku Canselor, Shah Alam itu turut diadakan di kampus-kampus cawangan bermula pada 4 Mei hingga 11 Mei 2016.



Penerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang UiTM YANG AMAT ARIF TUN ARIFIN ZAKARIA – KETUA HAKIM NEGARA

Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen UiTM ke-84 yang berlangsung pada 23 April 2016 turut meraikan Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Yang Amat Arif Tun Arifin Zakaria, Ketua Hakim Negara Malaysia.

YAA Tun merupakan satu nama besar dalam dunia perundangan dan kehakiman di Malaysia. Ketokohan dan kredibiliti yang ada pada beliau amat dikagumi, malah beliau telah dilantik menyandang pelbagai jawatan serta kedudukan dalam dunia perundangan dan kehakiman di Malaysia.

Berpengalaman hampir 42 tahun dalam bidang tersebut, kehebatan YAA Tun bukan sahaja disegani di dalam negara, malahan peranan dan pengalaman YAA Tun turut diperlukan bagi

memperkasa
dunia perundangan global.

YAA Tun juga telah banyak melakukan transformasi dalam Badan Kehakiman Negara bermula pada tahun 2009, di mana hampir 99 peratus kes tertunggak pra-2009 di mahkamah-mahkamah di seluruh negara telah berjaya diselesaikan dalam tempoh lima tahun berbanding tempoh 10 tahun atau 12 tahun sebelumnya.

Anugerah ini telah disampaikan oleh Tan Sri Dato' Seri Utama (Dr) Arshad Ayub, Pro Canselor UiTM.



GELARAN PROFESOR EMERITUS

Kepada

Tan Sri Sahol Hamid

Tan Sri Dato' Sri Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar merupakan individu yang cukup sinonim dengan Universiti Teknologi MARA. Inisiatif beliau dalam memperjuangkan pendidikan anak Melayu dan Bumiputera yang tercicir kerana kemiskinan masih diteruskan sehingga hari ini.

Umum sedia maklum bahawa beliau ialah Naib Canselor UiTM yang ketiga. Selain berkhidmat dalam bidang pentadbiran dan akademik, beliau ternyata telah banyak memberi sumbangan tenaga dan kepakaran dalam bidang pengurusan sumber air dan kejuruteraan hidraulik.

Bahkan, sejak tahun 2001 hingga kini, beliau telah dilantik sebagai profesor pakar di University of Stuttgart, sebuah universiti yang tersohor di Jerman. Selama 15 tahun menyumbang tenaga dan kepakaran, beliau telah dianugerahkan dengan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Awam oleh universiti tersebut. UiTM turut berbangga kerana beliau adalah satu-satunya ilmuwan dari luar benua Eropah dan anak Melayu pertama yang telah mendapat pengiktirafan berprestij itu.

Aspirasi beliau dalam menaik taraf pendidikan Melayu dan Bumiputera turut diiktiraf dan diperkukuh apabila YAB Perdana Menteri Malaysia telah melantik beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Jelajah Pendidikan Bumiputera Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam.



Perjumpaan Timbalan Menteri KPT bersama Mahasiswa Sabah dan Sarawak

Pada 27 April 2016 lalu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) telah menganjurkan sesi perjumpaan khas Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi bersama mahasiswa Sabah dan Sarawak di UiTM Shah Alam. Perjumpaan ini adalah bertujuan untuk merapatkan lagi silaturrahim antara pemimpin dan mahasiswa Sabah dan Sarawak di UiTM Shah Alam. Ianya juga dijadikan sebagai platform kepada mahasiswa Sabah dan Sarawak berkongsi dan bertukar-tukar idea bersama pemimpin.

Turut hadir ialah Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor dan Dato' Prof Dr Abdullah Mohamad Said, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar.

YB Datuk Mary Yap Kain Ching dalam ucapannya berpesan kepada semua pelajar, agar menjadi graduan cemerlang, iaitu pertama; pelajar perlu cemerlang dalam akademik, kedua; cemerlang dalam kepimpinan juga keperibadian dan mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi khususnya dalam kemahiran berkomunikasi.





UiTM Cemerlang di ITEX 2016

ITEX 2016 (27th International Invention & Innovation Exhibition) adalah salah satu pameran rekacipta terbesar di dunia dan telah berlangsung pada 12-14 Mei 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) Malaysia, yang disertai oleh lebih daripada 20 negara dari Asia, Eropah serta negara Timur Tengah.

ITEX 2016 merupakan pameran tahunan dan mempunyai 23 kategori ciptaan berkaitan dengan inovasi atau teknologi. Tujuan utama ITEX pada tahun ini adalah mengenal pasti produk/teknologi/reka cipta yang boleh dikomersialkan. Lebih 1000 produk/teknologi/reka cipta oleh saintis penyelidikan, institusi penyelidikan, pencipta individu, pencipta muda dan syarikat dari dalam dan luar negara telah dipertandingkan.

Pada tahun ini, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menghantar 30 penyertaan produk/teknologi/rekacipta di ITEX 2016 dan telah berjaya memenangi dua (2) Anugerah Khas iaitu: *Asian Invention Excellence Award 2016* yang dianugerahkan kepada YBhg Prof. Dr Ku Halim Ku Hamid dan

Mohibah Musa dari Fakulti Kejuruteraan Kimia bagi reka cipta bertajuk "*Non Catalytic Reaction in Methyl Ester Production from Crude Palm Oil (CPO)*". Seterusnya YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Zaki Salleh, Profesor Dr. Teh Lay Kek, Mohd Nur Fakhruzzaman Noorizhab dan Dr. Mohamad Izwan Ismail dari Pusat Kecemerlangan *Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE)* pula telah berjaya memenangi *The Japan Intellectual Property Association Award* bagi *Best Invention in Biotechnology* melalui rekacipta "*Pharmacodiagnostics of HLA-B* 15:02 for Precision Medicine*".

Selain itu kontinjen UiTM pada ITEX 2016 telah berjaya merangkul 17 pingat emas yang mana 6 kemenangan pingat emas melalui penyertaan hasil reka cipta oleh Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) Accounting Research Institute (ARI) dan 1 pingat emas dimenangi oleh Pusat kecemerlangan *Infrastructure Engineering and Sustainability Management (IIESM)*. Kontinjen UiTM juga telah berjaya memenangi 9 pingat perak dan 3 pingat gangsa.



5 Mei 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Academic
Conference 2016

MAJLIS 100 HARI PENTADBIRAN NAIB CANSOLOR & KONFERENSI AKADEMIK 2016

*The New Academic Experience :
Strategising Excellence through Diverse Practices*

Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM

Konferensi Akademik 2016 telah berlangsung dengan jayanya pada 5 Mei 2016 di Dewan Agung Tuanku Canselor. Dengan tema 'The New Academic: Strategising Excellence through Diverse Practises', konferensi akademik anjuran Bahagian Hal Ehwal Akademik ini telah menghimpunkan seramai 4000 warga pentadbir dan ahli akademik.

Konferensi Akademik ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan sebagai platform perkongsian pengetahuan, pengalaman, idea dan amalan terbaik di kalangan ahli akademik UiTM atau dengan pihak luar UiTM. Selain itu, ia juga menjadi ruang untuk menyampaikan hala tuju, strategi dan perancangan UiTM selaras dengan kehendak negara kepada semua warga akademik khususnya dalam usaha meningkatkan kualiti akademik demi melahirkan graduan yang holistik.

Pada kali ini, pihak penganjur telah menampilkan tiga (3) penceramah terkemuka yang mempunyai pengalaman cukup luas dalam bidang masing-masing. Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim Bajunid, merupakan Presiden The Malaysian Association for Education MAE telah menyampaikan tajuk Building Minds Across The Ages, Adam Brimo-CEO of Open Learning Global dengan tajuk Driving Innovative Teaching and Learning Practices dan terakhir ialah Prof Ir Sr

Dr Suhaimi Abdul Talib, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa menyampaikan syarahan bertajuk "*Nurturing the Relevant, Referred and Respected Academic*".

Anugerah Akademik Universiti (AAU) merupakan kemuncak acara yang dinantikan oleh semua ahli akademik. AAU merupakan pengiktirafan yang diberikan atas kecemerlangan ahli akademik dalam pelbagai bidang di UiTM yang telah menyumbang menaikkan nama universiti di peringkat nasional dan antarabangsa. Sebanyak 16 kategori anugerah telah diberikan. Anugerah Tokoh Akademik pada tahun 2015 telah dianugerahkan kepada Prof Dr Normah Hj Omar, Pengarah Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI). Kesemua anugerah telah disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM.



SENARAI PENERIMA ANUGERAH AKADEMIK UITM 2015

BIL..	NAMA ANUGERAH	PENERIMA
1.	ANUGERAH TOKOH AKADEMIK	YBHG. PROF. DR NORMAH HAJI OMAR FAKULTI PERAKAUNAN
2.	ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN	DR MOHAMAD HAFIZ BIN MAMAT FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
3.	ANUGERAH PENERBITAN MAKALAH JURNAL (KELOMPOK SAINS TEKNOLOGI & PERUBATAN)	DR MOHD MASOOD FAKULTI PERGIGIAN
4.	ANUGERAH PENERBITAN MAKALAH JURNAL (KELOMPOK SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN)	DR MOHD RIZAIMY BIN SHAHARUDIN UITM CAWANGAN KEDAH
5.	ANUGERAH PENGAJARAN (KELOMPOK PENGURUSAN & PERNIAGAAN)	DR SHARIFAH FAIGAH BINTI SYED ALWI ARSYAD AYUB GRADUATE BUSINESS SCHOOL
6.	ANUGERAH PENGAJARAN (KELOMPOK SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN)	YBHG. PROF. DR GURNAM KAUR AP GURDIAL SINGH FAKULTI PENDIDIKAN
7.	ANUGERAH PENGAJARAN (KELOMPOK TEKNOLOGI)	PUAN AMIZON BINTI AZIZAN FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA
8.	ANUGERAH PENERBITAN BUKU	DR NAGIDAR KAUR @ NAGINDER KAUR AP SURJIT SINGH UITM CAWANGAN PERLIS
9.	ANUGERAH SENI & KREATIVITI (KELOMPOK SENI VISUAL)	ENCIK HAMZAH BIN MOHAMED TAHIR FAKULTI FILEM, TEATER & ANIMASI
10.	ANUGERAH SENI & KREATIVITI (KELOMPOK PENULISAN KREATIFL)	YBHG. DATO' PROF. ABDUL RAZAK BIN HAJI MOHAIDEEN FAKULTI FILEM, TEATER & ANIMASI
11.	ANUGERAH KEPIMPINAN AKADEMIK	PROF. MADYA DR AHMAD ASARI BIN SULAIMAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
12.	ANUGERAH PENYELIDIK TERBAIK (KELOMPOK SAINS & TEKNOLOGI)	YBHG. PROF. DR MOHD NAZIP BIN SURATMAN FAKULTI SAINS GUNAAN
13.	ANUGERAH PENULIS TERBAIK	DR MUHAMMAD TAHA HUSSAIN BUX ATTA-UR-RAHMAN INSTITUTE FOR NATURAL PRODUCT DISCOVERY
14.	ANUGERAH PENCERAMAH TERBAIK	PROF. MADYA DR MOHD NOR BIN MAMAT AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
15.	ANUGERAH E-PEMBELAJARAN	PROF. MADYA DR TEOH SIAN HOON FAKULTI PENDIDIKAN
16.	ANUGERAH PENYELIA TERBAIK	DR MARIA JUSTINE @ STEPHANY FAKULTI SAINS KESIHATAN

KONVENSYEN DAN EKSPLO JEJAK BANGSA

10 Jun 2016 - Pra Pelancaran & Sidang Media Konvensyen Dan Ekspo Jejak Bangsa di Cyberview Resort & Spa. Majlis Pra Pelancaran ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi dan diiringi oleh Prof Emeritus Dato Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM. Konvensyen dan Ekspo ini akan diadakan pada 25 hingga 30 Oktober 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Bertemakan 'Menjejaki Perjalanan & Perjuangan Bangsa', program ini merupakan anjuran Universiti Teknologi MARA melalui Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dengan kerjasama Kaedah Kota Management (M) Sdn.Bhd. Tujuan utama konvensyen ini adalah untuk memperlihatkan kepada masyarakat umum perihai kejayaan dan pencapaian kerajaan sejak seabad yang lalu khususnya milik Melayu dan Bumiputera. Ia juga untuk memperingati sumbangan dan bakti daripada tokoh-tokoh hebat yang terdahulu yang telah berjuang demi pembangunan negara dalam pelbagai aspek.





Majlis Berbuka Puasa Bersama Yang Di-Pertuan Agong

14 Jun 2016 – Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke Majlis Berbuka Puasa bersama warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Hadir sama ialah Pro Canselor, Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad, Tan Sri Dato' Sri Sallehudin Mohamed, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin dan Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said serta Pengurusan Tertinggi UiTM.

Majlis yang diadakan di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin itu turut disertai kira-kira 2,000 pelajar serta kakitangan UiTM.



Majlis Berbuka Puasa Bersama Sultan Selangor

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah mencemar duli untuk hadir berbuka puasa bersama warga Universiti Teknologi MARA, (UiTM) Shah Alam. Majlis yang berlangsung pada 16 Jun 2016 ini telah diadakan di Masjid Al-wathiquil Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Pada majlis yang sama, baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan zakat kepada pelajar-pelajar UiTM yang kurang berkemampuan. Majlis bacaan yasin dan tahlil khas juga turut diadakan untuk Almarhum Ayahanda Tuanku Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh, Pro Canselor, Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad, Tan Sri Dato' Sri Sallehudin Mohamed, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin dan Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said.



Rewang Ramadhan Warga Canseleri

Sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak yang penuh keberkatan, Warga Canseleri telah mengadakan Rewang Ramadhan dengan menyediakan bubur lambuk. Program anjuran bersama oleh Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Hotel UiTM dan Surau Al-Ikhsan ini telah diadakan pada 28 Jun 2016 bertempat di parkir motosikal bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin.

Tujuan utama program adalah untuk mengeratkan silaturahim antara seluruh warga canseleri dan ianya dapat direalisasikan apabila setiap bahagian turut memberikan sumbangan ikhlas untuk menjayakan program ini. Naib Canselor, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut.



5 Mei 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Academic
Conference 2016

MAJLIS 100 HARI PENTADBIRAN NAIB CANSOLOR & KONFERENSI AKADEMIK 2016

*The New Academic Experience :
Strategising Excellence through Diverse Practices*

Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM



Majlis Perutusan 100 Hari Pentadbiran Naib Canselor telah berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam pada 5 Mei 2016. Dalam majlis tersebut beliau telah menyatakan UiTM ialah sebuah universiti yang istimewa, ia amat penting dalam memperkasa agenda negara. Bahkan, universiti ini memikul amanah besar yang tidak digalas oleh universiti lain.

Beliau juga berterima kasih kepada warga UiTM yang memberi komitmen yang jitu, baik di peringkat pengurusan tertinggi mahupun di peringkat warga kerja, dan para pelajar yang sentiasa bersama-sama beliau sejak mula menerajui UiTM. Harapan beliau untuk membawa UiTM ke tahap yang lebih gemilang dengan melonjak UiTM di persada global.



Perjumpaan Majlis Profesor **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

Pada 2 Mac 2016 yang lalu, telah diadakan satu perjumpaan antara Majlis Profesor Universiti Teknologi Mara (UiTM) bersama Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said Naib Canselor UiTM Shah Alam. Majlis ini diadakan di Aras 4 Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin yang turut dihadiri oleh barisan ahli Profesor UiTM dari pelbagai bidang kepakaran yang mana mereka menyalurkan pandangan sesuai dengan kemahiran masing masing.

Semoga dengan perkongsian idea yang bernas serta pandangan yang mantap dalam perbincangan dan perjumpaan ini akan membuahkan hasil serta inisiatif yang dapat meningkatkan lagi kualiti universiti untuk terus memperkasa agenda pendidikan tinggi Melayu dan Bumiputera selaras dengan misi dan visi UiTM



Perjumpaan *Naib Canselon* **BERSAMA MAJLIS DEKAN-DEKAN**

YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan bin Said amat berbesar hati kerana dapat meluangkan masa bersama Majlis Dekan Dekan Universiti teknologi Mara (UiTM) yang dijalankan pada 7 Mac 2016 yang lalu. Perjumpaan ini dihadiri oleh barisan ahli Majlis Dekan Dekan daripada tiga gugusan yang berbeza iaitu Sains dan Teknologi, Sains Sosial dan Kemanusiaan dan juga Pengurusan dan Perniagaan yang bertempat di Aras 7 Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin.

SUA SANTAI NAIB CANSOLOR & KETUA POLIS SELANGOR

Pada 6 April 2016 yang lalu, telah berlangsung Program Sua Santai Naib Canselor UiTM dan Ketua Polis Selangor bersama mahasiswa nonresident dan komuniti Seksyen 7 Shah Alam. Program yang diadakan di sekitar kawasan luar UiTM ini bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang keselamatan antara komuniti setempat terutamanya bagi mahasiswa yang menyewa di kawasan luar kampus.

Keselamatan mahasiswa perlu dijadikan keutamaan oleh pihak universiti bagi memastikan mahasiswa berada dalam suasana yang kondusif, selesa dan selamat. Kesedaran keselamatan amatlah penting bagi mengelakkan daripada sebarang ancaman yang berbahaya di kawasan kediaman.

Menjaga keselamatan diri dan juga keselamatan kawasan kediaman merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh semua pihak. Sikap saling membantu, bekerjasama dan prihatin akan dapat mewujudkan satu komuniti yang hidup dalam suasana aman dan harmoni.





MAJLIS RAMAH MESRA *Naib Canselor* BERSAMA WARGA

Pada 1 Februari 2016 yang lalu, UiTM sangat berbesar hati menerima pelantikan YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan bin Said sebagai Naib Canselor UiTM yang ke-9. Sebagai tanda penghargaan, Majlis ramah mesra bersama Naib Canselor telah diadakan bertujuan untuk memperkenalkan beliau kepada warga UiTM di setiap fakulti dan kampus negeri dengan bertemu dan bersua secara lebih dekat lagi.

Naib Canselor sendiri meletakkan sasaran sepanjang 2016 ini bahawa beliau akan turun padang dengan melawat keseluruhan 26 fakulti dan 13 kampus negeri yang berada dalam seluruh sistem UiTM.

Majlis ini merupakan satu permulaan bagi beliau untuk lebih bersemangat meneruskan legasi UiTM bagi menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan UiTM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang tersohor di negara dan juga di persada antarabangsa, khususnya kepada kemajuan anak-anak bumiputera



JOM CERGAS

BERSAMA NAIB CANSOLOR

Jom Cergas Bersama Naib Canselor merupakan satu program yang dianjurkan oleh Pusat Sukan dengan kerjasama Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat, Pejabat Pendaftar, Pusat kesihatan, Fakulti Sains Sukan & Rekreasi, Polis Bantuan dan Pengetua-pengetua Kolej Kediaman. Program ini bertujuan untuk melahirkan warga UiTM yang cergas dan sihat serta menggalakkan bukan sahaja para pelajar, malahan staf di UiTM untuk bergiat lebih aktif dan melibatkan diri dalam kegiatan sukan di kampus.

Kegiatan sukan mampu membentuk jati diri dan mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan pelajar dan staf. Selain memberi dorongan untuk bersukan, kadar kos perubatan juga dapat dikurangkan jika pelajar dan staf menjalankan aktiviti sukan untuk kebaikan dan kecerdasan diri.

Program ini telah disokong oleh Naib Canselor UiTM, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan bin Said turut sama menyertai aktiviti bersama pelajar dan staf sebagai tanda sokongan. Program ini melibatkan semua warga kampus UiTM termasuk penghuni kolej. Seramai 896 orang termasuk pelajar dan staf telah mengambil bahagian program Jom Cergas Bersama Naib Canselor ini yang berlangsung pada 6 Mei 2016 lalu bertempat di Kompleks Sukan beserta sekitar UiTM.



SUA SANTAI ALUMNI bersama *Naib Canselor*

Majlis Sua Santai Alumni Bersama Naib Canselor telah berlangsung pada 7 Mei 2015. Majlis yang dianjurkan oleh Unit Strategik Kebolehpasaran Pelajar & Alumni dari Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) ini diadakan di Dewan Agong Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.

Objektif penganjuran Program Sua Santai Naib Canselor Bersama Alumni adalah untuk memperkasakan ekosistem jaringan UiTM dengan alumni ke arah kesepakatan, kerjasama dan perkongsian kejayaan. Di samping memberikan fokus keterampilan dalam bidang tujahan yang berkaitan keusahawanan bagi mendukung usaha universiti memartabatkan graduan yang holistik melalui komunikasi pintar. Objektif program pada dasarnya, berjaya dicapai dengan kehadiran pelbagai lapisan 'batch' alumni yang ditempatkan dalam kelompok berdasarkan fakulti agar mereka saling berinteraksi di samping berkolaborasi.

Majlis disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said dan diserikan dengan kehadiran Dato' Zaini Hassan, Presiden Persatuan Alumni UiTM. Seramai 635 alumni mewakili Persatuan Alumni (PAUiTM), Chapters kampus dan Fakulti seluruh Malaysia telah hadir memeriahkan majlis yang bertemakan "Santai Berinformasi".



PELANCARAN TADBIR URUS AKADEMIK UiTM 2016

Pada 21 Januari 2016, Majlis Pelancaran Tadbir Urus Akademik UiTM dan Bengkel Penyelarasan Bidang Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah berjalan dengan lancar di Dewan Anjung Budiman. Seramai 200 orang peserta yang terlibat dengan majlis pelancaran dan bengkel ini.

Majlis ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan pendedahan secara menyeluruh mengenai pelan pelaksanaan pembangunan serta pengurusan tadbir urus akademik UiTM kepada semua ahli Majlis Eksekutif Universiti (MEU), Ahli Majlis Pengurusan Kanan (MPK) Universiti dan Pentadbir Hal Ehwal Akademik.

Selain itu, ia juga merupakan satu inisiatif untuk meneliti bidang-bidang utama bagi mengoptimumkan para pensyarah di setiap fakulti dan UiTM cawangan.



BENGKEL TRANSFORMASI IMEJ DAN IDENTITI KORPORAT UiTM



Pada 15 hingga 17 Mac yang lalu telah diadakan Bengkel Transformasi Imej dan Identiti Korporat UiTM di Dewan Serbaguna OIA, yang bertujuan untuk membincangkan satu bentuk dasar dan tadbir urus imej dan identiti korporat yang lebih komprehensif dan sistematik.

Bengkel yang diadakan selama dua hari ini diketuai oleh Profesor Madya Dr Masran Saruwono, selaku Pengerusi Jawatankuasa Imej dan Identiti Korporat UiTM.

Bengkel ini turut diisi dengan beberapa siri ceramah berkenaan pengurusan imej dan jenama serta sesi perbincangan antara ahli-ahli bengkel bagi mengukuhkan pemahaman dan bertukar pendapat di antara kelompok yang hadir.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM.



PROGRAM KEPIMPINAN DAN TRANSFORMASI PENOLONG PENDAFTAR UiTM

Program Kepimpinan dan Transformasi Penolong pendaftar UiTM telah berjalan dengan lancar selama 4 hari berturut-turut bermula 24 Mac 2016 sehingga 27 Mac 2016. Program ini telah diadakan di dua tempat yang berlainan iaitu di Dewan Sri Budiman, UiTM Shah Alam dan juga Taman Negara, Pahang. Seramai 271 orang peserta daripada ahli Kelab Penolong Pendaftar yang telah menyertai program ini dengan dibahagikan kepada beberapa kumpulan.

Program anjuran Kelab Penolong Pendaftar dengan kerjasama Pejabat Pendaftar ini mempunyai

objektif yang jelas iaitu untuk melahirkan dan membentuk pasukan pentadbir yang mampu menerajui proses Perancangan Sumber Manusia yang sentiasa bersedia dengan transformasi dan agenda global. Selain itu, mampu mengenal pasti kekuatan pasukan dan cuba mengambil peluang untuk memperkasa serta membudayakan semangat berpasukan dalam diri setiap Pentadbir seluruh sistem UiTM dan membina ikatan kukuh antara pentadbir supaya dapat memahami aspirasi dan hala tuju UiTM pada satu tujuan yang sama.



PESTA BUKU PTAR 2016

Pesta dan jualan buku yang diadakan bersempena dengan Program Galakan Membaca PTAR 2016 adalah satu usaha perpustakaan untuk memupuk semangat cintakan ilmu serta menerapkan budaya minat membaca di samping mendekatkan warga universiti kepada bahan bacaan yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit tempatan.

Program yang berlangsung selama 3 hari bertempat di Ruang Legar Perpustakaan Tun Abdul Razak (Utama), telah mendapat kerjasama daripada MABOPA (Malaysian Book Publishers Association) dan dirasmikan oleh YBhg Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said pada 29 Mac 2016.

Dalam majlis ini turut menyaksikan penyerahan Anugerah *Emerald's High Usage* kepada UiTM untuk *World's Highest Download* untuk kali ke-9 berturut-turut dan juga penyerahan poster rasmi Kuala Lumpur International Book Fair (KLIBF) 2016 kepada Naib Canselor.

Pelbagai aktiviti yang menarik telah disediakan sempena program yang berlangsung selama tiga hari ini bermula daripada 28 Mac 2016 sehingga 30 Mac 2016. Pada masa yang sama, YBhg. Naib Canselor sempat membuat lawatan ke PTAR untuk beramah-mesra dengan Pengurusan Perpustakaan UiTM di samping melihat kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.





TAKLIMAT DAN MESYUARAT BERSAMA KOORDINATOR KORPORAT SELURUH SISTEM UiTM 2016

Pada 29 hingga 30 Mac yang lalu sekali lagi diadakan Taklimat dan Mesyuarat bersama Koordinator Korporat Seluruh Sistem Universiti Teknologi MARA bagi tahun 2016.

Program anjuran Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat ini berjaya menghimpunkan koordinator-koordinator korporat bagi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) seluruh sistem UiTM. Antara pengisian pengetahuan adalah berkaitan pengurusan acara, pemerkasaan imej dan identiti korporat, protokol dan etiket sosial, penulisan rencana Bahasa Inggeris, pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan, pengurusan media sosial universiti, strategi publisiti pegawai perhubungan awam universiti serta penulisan rasmi.

Turut mengisi slot program tersebut adalah pembentangan Road Map Universiti 2016 bagi memberi gambaran secara langsung, berkenaan misi dan hala tuju universiti bagi tahun ini serta Laporan Pencapaian UiTM Kampus Cawangan 2015.



Taklimat **PENYELIDIKAN BERSAMA WARGA IRMI**

Satu taklimat penyelidikan bersama warga Institute of Research Management and Innovation (IRMI) telah diadakan pada 5 April 2016. Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said menyampaikan ucapan dan beliau berhasrat untuk melihat UiTM berkembang maju dalam penyelidikan dan inovasi di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Seperti yang disampaikan dalam Amanat Tahun Baru Naib Canselor 2016, UiTM melalui Research Management Centre (RMC), Research Innovation Business Unit (RIBU), Community of Research (CoRe) dan Centres of Excellence (COE), yang berada di bawah payung IRMI, perlu terus giat memperkukuh usaha ke arah mencapai matlamat berikut untuk tahun 2016 seperti pengkomersialan tiga (3) produk penyelidikan, peningkatan bilangan pensyarah UiTM yang menjadi pakar rujuk tersohor dan Peningkatan skor MyRA kepada 55 (3 bintang).



ITEM 57TH ANNUAL DINNER AND AWARD NIGHT 2016

16 April 2016, The Institution of Engineers, Malaysia (IEM) 57th Annual Dinner and Awards Night 2016 telah berlangsung di Grand Lagoon, Ballroom Sunway Resort Hotel & Spa, Bandar Sunway.

Majlis dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin dan Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said serta wakil-wakil UiTM. Pada majlis penghargaan tersebut, UiTM telah memenangi 5 Kategori Anugerah seperti berikut:

1. Most Active Organisation 2015
2. Graduate Membership for Organisation 2015
3. Graduate Membership for Individual 2015
4. The IEM Gold Medal Awards 2015
5. Woman Engineer Award 2015



Hub Media Kreatif dan Teknologi (CMT) anjur Pameran Asean Splendour

Pada 22 Mac dan 21 April lalu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menerima kunjungan daripada Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang serta Duli Yang Teramat Mulia Tengku Temenggong Kelantan, Datuk Tengku Muhammad Rizam Tengku Aziz bersama YM Tengku Puan Temenggong Kelantan, Datin Tengku Nor Hayati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang sudi berangkat ke Pameran Asean Splendour 2016. Pameran ini merupakan julung kali dianjurkan oleh Pejabat Hub Media Kreatif dan Teknologi UiTM (CMT).

Pameran Asean Splendour 2016 ini merupakan program untuk mengiktiraf dan menghargai pelajar yang terlibat dengan cemerlang dalam aktiviti kreatif dan teknologi. Selain itu, ia juga menjadi satu platform untuk mewujudkan jaringan hubungan kerjasama di antara UiTM dengan pihak luar.



Forum

PENULIS MUDA 2016

Dengan tema Kesantunan Berbahasa: Cerminan Identiti dan Jati Diri, Forum Penulis Muda 2016 telah berjaya mengumpulkan beberapa nama terkenal seperti Datuk Zainal Abidin Borhan, Ahmad Thamrini Fadzlin Syed Mohamed, Nur Hidayu Mohd Kamil dan Ahmad Fedtri Yahya, yang bertindak sebagai moderator.

Program yang dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Pemikiran Melayu (IMPAK), Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Tengah serta Akademi Pengajian Bahasa (APB) ini adalah satu usaha untuk mempersegar semangat kecintaan masyarakat terhadap bahasa dan persuratan Melayu selain dapat menyemarakkan lagi kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan dalam kalangan karyawan muda serta golongan belia.

Program yang telah diadakan pada 27 April ini telah dirasmikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM.



Lawatan Penanda Aras Pegawai **Jabatan Imigresen Malaysia** **Negeri Selangor**

23 May 2016, Seramai 12 orang Pegawai dari Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor telahpun mengadakan lawatan penanda aras di Jabatan Komunikasi Korporat, UiTM Shah Alam. Delegasi yang diketuai oleh Tuan Omran Bin Omar, Pengarah Imigresen Negeri Selangor dan 11 pegawai Imigresen yang mewakili Jabatan Korporat dan lain-lain Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor.

Taklimat disampaikan oleh Puan Alfina Bakar, Ketua Timbalan Pendaftar Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat. Lawatan ini sebagai platform pertukaran pengetahuan berkaitan kaedah pengurusan Jabatan Komunikasi Korporat dalam menyelaras tadbir urus universiti yang seragam dan komunikasi korporat yang cepat, tepat dan berkesan di 13 buah kampus UiTM seluruh Malaysia. Taklimat tersebut turut dihadiri oleh beberapa orang pegawai di Pejabat Canseleri dan Komunikasi Korporat.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM AMAL@BPD



Pada 3 Jun 2016, telah berlangsungnya Majlis Pelancaran sempena Program Amal@BPD bertempat di Dewan Seri Budiman. Program julung kali diadakan ini merupakan anjuran Pejabat Pendaftar.

Bersempena bulan Ramadhan yang bakal membuka tirai pada 6 Jun 2016, inisiatif dan projek amal ini dilaksanakan dengan hasrat untuk mengumpul sumbangan ikhlas daripada warga UiTM dan orang persendirian bagi menyediakan kemudahan Sejadah dan Telekong. Sejadah dan Telekong ini untuk diwakafkan di surau-surau di dalam kampus UiTM Shah Alam serta UiTM Kampus Cawangan.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor. Program ini turut dihadiri oleh Pengurusan Eksekutif Universiti dan wakil-wakil jabatan UiTM.

Semoga program amal seumpama ini berterusan untuk masa-masa akan datang.





LAWATAN KE FSPU (UiTM)

LAWATAN PARA **PELAJAR DAN PENSYARAH JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH UNIVERSITAS DIPONEGORO, SEMARANG INDONESIA** KE KOMPLEKS ALAM BINA FSPU UiTM KAMPUS PUNCAK ALAM

Pada 21hb April 2016 seramai 4 orang pensyarah dan 128 pelajar dari Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah Universitas Diponegoro (UNDIP) Semarang, Jawa Indonesia telah berkunjung ke FSPU Kompleks Alam Bina UiTM Puncak Alam. Dekan Prof Madya Dr Masran Saruwono telah hadir untuk memberi taklimat ringkas mengenai FSPU kepada para pengunjung. Pelajar dari UNDIP telah melawat studio dan galeri di Kompleks Alam Bina dan kemudian mempersembahkan kajian ringkas hasil daripada lawatan mereka ke KgPeruas di Raub Pahang. Turut hadir adalah para pelajar dan pensyarah dari program Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah, FSPU, UiTM (AP221). Para pelajar dari Semester 05 Program AP221 juga telah mempamerkan hasil kajian mengenai penglibatan komuniti

kepada para pengunjung. Pada majlis tersebut Koordinator dari Pusat Pengajian Siswazah FSPU, dan wakil dari Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa UiTM telah memberi taklimat mengenai peluang menjalankan pengajian pasca siswazah manakala wakil perancang bandar profesional dari Malaysian Institute of Planners telah memberi taklimat kepada para pengunjung mengenai profesion Perancangan Bandar di Malaysia. Pada akhir program para pelajar dari UNDIP telah membuat persembahan kebudayaan yang unik iaitu Tarian Saman yang berasal dari Aceh, Indonesia. Semoga lawatan ini mengukuhkan lagi silaturahim di antara para pelajar dan pensyarah dan memberi peluang untuk kedua-dua pihak untuk menjalinkan hubungan akademik yang lebih mantap di masa akan datang.

FSPU RAIH KEMENANGAN PERINGKAT KEBANGSAAN

Pada 14 April 2016 bertempat di Petroleum Club Tingkat 42 Menara 2 Petronas KLCC, UiTM telah memenangi pertandingan di peringkat kebangsaan "Arena of Youth" yang dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pertandingan ini adalah seiring dengan Rancangan Malaysia ke 11: Anchoring Growth on People, yang mana platform ini memberi ruang untuk belia di Malaysia

kemenangan ini, UiTM berjaya meraih wang tunai sebanyak USD10,000 (RM40,000) sebagai wang "start up" untuk mewujudkan Junior Enterprise untuk merealisasikan idea yang telah dibangunkan oleh mereka. Kini, Ibu pejabat Junior Enterprise berada di Brussels, Belgium dan terdapat Junior Enterprise di 40 buah negara di dunia. Junior Enterprise UiTM akan merupakan yang pertama di Malaysia, Asia Tenggara dan Benua Asia. Ini akan memberi peluang kepada mahasiswa UiTM memanifestasikan visi UiTM untuk menjadi usahawan antarabangsa. UiTM diwakili oleh mahasiswa peringkat sarjana daripada Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur. 10 orang mahasiswa ini telah bertungkus lumus selama 5 bulan menggunakan kemahiran pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan menjana idea

kreatif untuk memberi cadangan membangun dan memitigasi isu kerosakan hartanah dan infrastruktur akibat daripada bencana alam. Mentor kepada mahasiswa ini diketuai oleh Prof Madya Sr Ruslan Affendy Arshad, dibantu oleh Prof Madya Sr Dr Faridah Ismail dan Dr Zulhabri Ismail.



melibatkan diri dalam pertandingan berbentuk "nation building", justeru membina brigid pembina masa hadapan. Nama pertandingan tersebut adalah Rebuild it Green (RIG) yang menjadi intipati utama pembinaan lestari (sustainable construction). Dengan

Majlis **Persaraan Bendahari UiTM**


Pada 20 Januari 2016, telah berlangsung Majlis Persaraan Bendahari UiTM iaitu En Sanip Wahid. Majlis dianjurkan oleh Pejabat Bendahari ini bertujuan untuk meraikan perkhidmatan terakhir En Sanip di UiTM tercinta. En Sanip merupakan Bendahari UiTM selama 10 tahun bermula tahun 2004. Sumbangan beliau pada transformasi perkhidmatan pejabat bendahari khususnya sangat membanggakan dan tidak ternilai.

Perkhidmatan beliau bermula sebagai Penolong Bendahari pada 1 Januari 1982. Sejak itu, beliau tidak pernah menoleh ke belakang dan sentiasa terus mencurahkan bakti beliau pada UiTM. En Sanip berasal dari Semerah, Johor. Memperoleh Sarjana Perakaunan dari Curtin University of Technology, Australia, Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan dan Diploma Perakaunan dari UiTM.

Sepanjang perkhidmatan beliau, Pejabat Bendahari telah banyak menerima penghargaan dan anugerah dari pelbagai agensi. Sesungguhnya, legasi kecemerlangan ini perlu diteruskan oleh semua warga Pejabat Bendahari khasnya demi memastikan kelangsungan kualiti perkhidmatan yang diberikan mencapai aspirasi universiti.

Buat En Sanip, setinggi-tinggi ucapan terima kasih diberikan atas komitmen dan kesetiaan kepada universiti keramat ini!





Pada tahun ini (2016), sekumpulan 8 orang saintis dari UM, UiTM, UKM, UMT, USM dan IMU telah menyertai pelayaran saintifik selama 22 hari ke Benua Antartika. Kumpulan ini diketuai oleh Dr Mohamad Huzaimy Jusoh dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM Shah Alam telah berlayar ke Benua Antartik menggunakan kapal layar yang dikenali sebagai yacht 'AUSTRALIS' bermula dari Pelabuhan Ushaia, Argentina pada 18 Januari hingga 9 Februari 2016.

Ini merupakan ekspedisi pelayaran ke Antartik yang pertama dianjurkan oleh YPASM dan MOSTI melibatkan kumpulan saintis daripada beberapa universiti dengan pelbagai latar belakang kajian. Ekspedisi ini melibatkan penjelajahan ke 8 lokasi kajian yang signifikan di Benua Antartik iaitu King George Island, Greenwich Island, Deception Island, Davis Coast, Danco Coast, Graham/Loubet Coast, Adelaide Island, dan Barry Island.

Dr Mohamad Huzaimy Jusoh yang merupakan ketua Applied Electromagnetic Research Group, dan juga Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Komunikasi, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM akan melakukan kajian bertajuk 'Exploration and Characterization of Earth's Electromagnetism and Underground Electrical Conductivity due to Space Weather Perturbation at Polar and Equatorial Regions'. Ianya merupakan kajian untuk mengkaji bagaimana variasi elektromagnetik daripada angkasa dapat mempengaruhi bacaan kemagnetan bumi dan ciri-ciri elektrik bawah tanah.

TAHNIAH



Dr Mohamad Huzaimy Jusoh

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM Shah Alam

Berjaya Menamatkan

EKSPEDISI PENYELIDIKAN
ANTARTIKA MALAYSIA 2016

18 JANUARI 2016 Hingga
9 FEBRUARI 2016

Daripada:
Naib Canselor & Seluruh Warga UiTM

MINGGU DESTINI *Siswa*

Pada 21 Februari 2016 hingga 24 Februari 2016, Minggu Destini Siswa telah diadakan bersempena kemasukan pelajar baharu dan majlis kemuncak berlangsung di Dewan Seri Budiman UiTM Shah Alam. Program yang berlangsung selama 4 hari ini telah dianjurkan khusus untuk pelajar UiTM yang baharu melangkah ke alam universiti. Minggu Destini Siswa ini juga lebih dikenali sebagai majlis orientasi dalam kalangan siswa siswi.

Program orientasi ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada pelajar baharu yang berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana muda untuk lebih mengenali seluruh kampus di UiTM Shah Alam

bagi memudahkan perjalanan pembelajaran sepanjang pengajian di UiTM Shah Alam. Seramai 474 pelajar baharu yang mendaftar akan memulakan pengajiannya di Universiti ini.

YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan bin Said, Naib Canselor UiTM telah menyempurnakan majlis dengan menyampaikan amanat beliau kepada mahasiswa. Justeru itu, besar harapan beliau untuk melihat pembangunan UiTM di bidang akademik terus maju. Naib Canselor dan seluruh warga UiTM juga sangat mengalu-alukan kehadiran semua pelajar baharu ke UiTM, Shah Alam.





UiTM ANJUR EKSPLO SELANGKAH KE UiTM KALI KE-9

Ekspo Selangkah Ke UiTM 2016 telah berlangsung dengan jayanya pada 12 dan 13 Mac 2016. Tahun ini merupakan tahun ke-9 penganjuran Ekspo Selangkah Ke UiTM. Ekspo Selangkah Ke UiTM ini berperanan sebagai Pusat Sehenti yang menyalurkan informasi pengajian yang terkini dan tepat kepada kumpulan sasaran seperti lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), lepasan Matrikulasi, kaunselor sekolah serta ibu bapa.

Setiap tahun, ekspo ini diadakan serentak di seluruh UiTM Kampus Cawangan. UiTM Shah Alam masih mencatatkan jumlah pengunjung paling ramai iaitu sebanyak 110,500 bagi kedua-dua hari berlangsung. Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan, Naib Canselor telah hadir pada hari Sabtu untuk sesi walkabout ke setiap booth fakulti/jabatan yang terlibat dan berpeluang berjumpa serta beramah mesra dengan petugas dan pengunjung.

Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah diadakan pada hari Ahad, 13 Mac 2016 yang disempurnakan oleh Prof Sr Ir Dr Suhaimi Abdul Talib, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Hadir sama ialah dekan-dekan fakulti, Pengarah Bahagian Pengambilan Pelajar dan Pengarah Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat. Sementara itu, Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah menjulang kategori booth terbaik keseluruhan dua tahun berturut-turut.

PEMENANG PERTANDINGAN BOOTH TERBAIK

GUGUSAN SAINS DAN TEKNOLOGI

1. Fakulti Sains Komputer dan Matematik
2. Fakulti Pergigian
3. Fakulti Kejuruteraan Elektrik

GUGUSAN SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

1. Fakulti Filem, Teater dan Animasi
2. Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
3. Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

GUGUSAN PENGURUSAN PERNIAGAAN

1. Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan
2. Fakulti Perakaunan
3. Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

PUSAT/ BAHAGIAN/ UNIT

1. INTEC Education Centre
2. Pusat Asasi
3. Institut Pengajian Siswazah (IPSiS)


JUARA KESELURUHAN : FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK



Majlis PENGHARGAAN KELAB PIDATO DAN DEBAT BAHASA MELAYU UiTM

Pada 5 April 2016 yang lalu, Universiti teknologi MARA (UiTM) telah mengadakan Majlis penghargaan khas buat kelab Pidato dan Debat Bahasa Melayu UiTM sebagai tanda penghargaan atas kejayaan dan sumbangan mereka dalam mengharumkan nama UiTM di peringkat negara dan antarabangsa. Majlis ini diadakan di Dewan Impian, Hotel UiTM dan dimeriahkan dengan kehadiran Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said.

Majlis seumpama ini merupakan tanda penghargaan UiTM dalam usaha memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu di persada negara. Penghargaan ini juga merupakan satu motivasi buat para pelajar agar mereka terus bersemangat untuk memperjuangkan bahasa jiwa bangsa ini.



MAJLIS ANUGERAH TOKOH SISWA 2015 UiTM



Pada 20 April 2016, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) telah menganjurkan Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015. Majlis anugerah ini diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan individu dan badan pelajar dalam pengurusan organisasi dan pelaksanaan program pelajar. Selain itu, anugerah seumpama ini sewajarnya memberi kesedaran, motivasi serta peluang kepada para pelajar untuk menegenahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk menjadi insan cemerlang.

Pelajar yang telah berjaya mendapat Anugerah Tokoh Siswa di peringkat UiTM, akan dimajukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk pencalonan Anugerah Tokoh Siswa 2015 peringkat KPT. Sebanyak 3 kategori anugerah utama yang dipertandingkan iaitu, Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa, Anugerah Tokoh



Sukarelawan Siswa dan Anugerah Penghargaan Khas Bahagian Hal Ehwal Pelajar. 9 anugerah kategori kepimpinan dan 7 anugerah kategori kesukarelawan.

Majlis penyampaian Anugerah Tokoh Siswa peringkat UiTM telah disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor. Naib Canselor dalam ucapan beliau mengingatkan mahasiswa untuk terus berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti persatuan atau kelab pelajar di UiTM ini. Kebanyakan majikan kini turut meletakkan aspek pengalaman dan penguasaan dalam kemahiran insaniah dalam kalangan graduan sebagai kriteria pemilihan bakal pekerjaanya.



UiTM SHELL Treasure Hunt & Shell Road Safety Bootcamp

Pada Sabtu, 7 Mei 2016 yang lalu, pihak Shell Malaysia dan UiTM Selangor, Kampus Puncak Alam telah menganjurkan UiTM Shell Treasure Hunt: Protect The Shell & Road Safety Bootcamp. Program ini merupakan aktiviti daripada pihak Shell atas kesinambungan selepas Majlis Pelancaran Road Safety Movement #ShellSelamatSampai (#SSS UiTM). Program ini telah diuruskan oleh Maximus Event Resources, pelajar semester 5, tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Majlis (BM236) Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Kampus Puncak Alam. Program ini telah diadakan di Dewan Kuliah 500 (DK500), UiTM Selangor Kampus Puncak Alam.

UiTM Shell Treasure Hunt: Protect The Shell & Road Safety Bootcamp merupakan salah satu pendekatan yang digunakan bagi menjayakan kempen kesedaran keselamatan jalan raya melalui aktiviti memburu harta menggunakan kereta. Sebanyak 30 kereta telah menyertai di mana satu kereta terdiri daripada 4 peserta di kalangan kakitangan dan juga pelajar UiTM Kampus Puncak Alam, Puncak Perdana dan Shah Alam. Tujuan utama program pemburuan harta dan bootcamp ini diadakan adalah untuk memberi dan menyebarkan maklumat mengenai keselamatan jalan raya dalam amalan yang baik sepanjang keberkesanan pendidikan keselamatan jalan raya, latihan dan publisiti.

Turut berlangsung semasa UiTM Shell Treasure Hunt: Protect The Shell ialah Road Safety Bootcamp yang dihadiri seramai 400 pelajar dari UiTM Selangor Kampus Puncak Alam. Antara acara yang dijalankan semasa Road Safety Bootcamp ini ialah forum yang bertajuk Undang- Undang VS Sikap. Antara panel bagi forum ini ialah Puan Qamar Wan Noor, Downstream Malaysia Business Opportunity Manager, Shell Malaysia, Encik Nurul Aizar Bin Ab. Rahman, Pegawai Polis di Bahagian Siasatan/Perundangan Trafik, IPK Selangor, Md Afindi bin Saadan, Penolong Jurutera, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor, En Fakhri bin Mansor, Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Selangor, Puan Karen Goonting, Pakar dalam Keselamatan Jalan Raya dan Dr Rosmadi Ghazali, Pengarah iCARE Bahagian Unit Penjana Pendapatan, Entiti Bisnes dan Alumni selaku moderator bagi forum tersebut.



■ KUALA LUMPUR 28 MEI

KETIKA zaman kanak-kanaknya, Wan Nazri Wan Aria sering mengikuti bapanya yang tinggal di kawasan setinggi di Segambut di sini untuk membantu buruh kontrak itu membina rumah.

Namun keadaan itu tidak menghalangnya untuk berjaya dalam bidang akademik sehingga dapat mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan awam di Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebelum melangkah lebih jauh ke Universiti Stuttgart di Jerman serta membina kerjayanya di negara itu.

Nama Wan Nazri Wan Aria, 36, mula dikenali apabila beliau didedahkan sebagai seorang daripada jurutera yang terlibat dalam membina menara jam Abraj al-Bait di Mekah, satu daripada monumen ikonik di Arab Saudi dan antara bangunan tertinggi di dunia, pada 2012.

Anak kedua daripada tujuh beradik dan dibesarkan oleh seorang bapa tunggal itu memberitahu, dia mendapat dorongan dan kekuatan daripada bapanya, Wan Aria Wan Ahmad, 61, selepas kematian ibunya, Che Fatimah Alias pada usia 12 tahun untuk memajukan diri.

"Sejak kecil sehingga melanjutkan pengajian ke UiTM, saya sering mengikut ayah bekerja dan sudah biasa membancuh simen serta menyusun bata.

"Walaupun ayah mungkin tidak faham apa yang saya pelajari di UiTM, namun dia akan memberi dorongan dan mendoakan saya setiap kali menghubunginya apabila tiba waktu peperiksaan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Wan Nazri berkata, dia mendapat peluang untuk terbabit dalam pembinaan Abraj al-Bait ketika menjadi jurutera di sebuah syarikat kejuruteraan di Jerman pada usia 28 tahun.

ALUMNI GEMILANG WAN NAZRI WAN ARIA

Sejak kecil sehingga melanjutkan pengajian ke UiTM, saya sering mengikut ayah bekerja dan sudah biasa membancuh simen serta menyusun bata.

WAN NAZRI WAN ARIA
Jurutera terkemuka

Jurutera Menara Jam Mekah Harumkan Negara

"Saya menggunakan ilmu yang dipelajari ketika mengikuti kursus sarjana muda kejuruteraan di UiTM, Shah Alam dan di Universiti Stuttgart selain memastikan saya mahir dengan tiga kod kejuruteraan iaitu standard Britain, Eropah dan Jerman untuk meyakinkan majikan akan kebolehan yang

saya dimiliki," katanya.

Beliau menambah, dia sepatutnya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana ketika ditawarkan terlibat dalam pembinaan Abraj al-Bait tetapi menangguhkannya kerana tawaran membina sesuatu yang ikonik hanya datang sekali dalam seumur hidup.

Oleh **IRMAN HASHIM**
pengarang@utusan.com.my



MoU antara UiTM & JCorp

8 Mac 2016 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kumpulan Johor Corporation (JCorp) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk berkongsi bahan penyelidikan berteraskan keusahawan.

Menerusi MoU itu, ia juga memberi peluang kepada penuntut UiTM meneroka pelbagai bidang dalam JCorp termasuk latihan industry dalam sektor perladangan, perhotelan dan pengurusan acara.

Pada majlis menandatangani MoU itu, JCorp diwakili Naib Presiden Kanan, Divisyen Tanggungjawab Korporat, Jamaludin Md Ali manakala Dr Zaini mewakili UiTM Selangor dengan disaksikan Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim. Majlis telah berlangsung di UiTM Puncak Alam, Selangor.

MoU Antara UiTM Dengan Myglam Sdn. Bhd.

17 Mac 2016 - Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian antara Fakulti Kejuruteraan Awam dengan myGlam Sdn Bhd telah berlangsung. Majlis MoU tersebut ditandatangani oleh YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM, Encik Ahmad Asmadi Mohammad, CEO myGlam Sdn Bhd dan disaksikan oleh YBhg. Prof. Dr Azmi Ibrahim, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam. Kerjasama ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi penyelidikan dan perkembangan industri pembinaan dan produk khususnya dalam bidang teknologi perkayuan.

Semoga MoA ini dapat dijadikan asas kepada perkongsian ilmu yang bergerak secara terus dengan industri. Perkembangan ini juga sekali gus diharap dapat meningkatkan usaha UiTM dalam meningkatkan pencapaian penyelidikan dan peningkatan MyRa universiti yang lebih baik pada masa-masa yang akan datang.



MoU ANTARA ACCOUNTING RESEARCH INSTITUTE (ARI) UiTM, YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN (YDSM) DAN MYDIN HOLDING BERHAD

Kerjasama yang hebat daripada Accounting Research Institute (ARI)UiTM, Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) dan Mydin Holding Berhad telah membuahkan hasil dan kejayaan dalam pelaksanaan Program Transformasi Jahitan yang telah dilaksanakan di Terengganu, iaitu di Paka dan Kuala Terengganu.

Perjanjian ini terjalin semula pada 17 Mac 2016 atas kesinambungan daripada perjanjian memorandum Jun 2015 yang menunjukkan hasil yang baik melalui program PTJ. Tujuan perjanjian persefahaman memorandum ini adalah sebagai platform khususnya kepada golongan miskin yang mempunyai bakat dan kemahiran untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, sekali gus dapat membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Penglibatan pihak ARI bersama gabungan AIM dan Mydin menerusi perjanjian MoU ini telah merancakkan lagi industri perniagaan dan diharapkan mampu melahirkan usahawan baharu bagi generasi akan datang, di samping meningkatkan taraf sosioekonomi dan kesejahteraan hidup mereka. Penglibatan ke bawah DYMM Baginda Tuanku Sultan Mizan dalam melakukan aktiviti-aktiviti bersama golongan rakyat melalui penubuhan Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) juga merupakan satu usaha yang murni sebagai tanda sokongan beliau terhadap program ini.



MoU ANTARA UiTM DAN QUEEN MARY UNIVERSITY OF LONDON



Pada 7 April 2016 yang lalu , termeterai satu perjanjian persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Queen Mary University of London, United Kingdom anjuran Fakulti Pergigian. Jalinan kerjasama ini telah dipersetujui oleh kedua belah pihak Universiti untuk saling memberi manfaat khususnya buat para pelajar dan staf di UiTM.

Perjanjian ini mempunyai objektif yang jelas di mana kedua-dua universiti boleh mengadakan pertukaran pelajar selama tempoh yang telah ditetapkan sama ada sebagai pelajar atau membuat penyelidikan tertentu. Secara tidak langsung para pelajar berpeluang untuk mendapat pengalaman di luar negara di samping saling berkongsi dan bertukar pandangan, informasi dan cara pengajaran serta pembelajaran yang boleh diterapkan dalam suasana belajar di UiTM.

MoU ANTARA UiTM & LEGOLAND MALAYSIA RESORT

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Legoland Malaysia Resort telah mengadakan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU). Perjanjian ini bertujuan untuk menjalinkan persahabatan dan kerjasama demi mencapai persepakatan serta mewujudkan asas kerjasama diantara dua pihak.

Menerusi MoU itu, ia memberi peluang kepada pertukaran institusi antara fakulti dan kakitangan serta pertukaran maklumat yang relevan dan bersesuaian bagi ke dua-dua pihak. Pertukaran maklumat ini berkaitan dengan perkembangan dalam pengajaran terutama untuk pelajar serta pembangunan kakitangan dan inovasi dalam penyelidikan. Selain itu, keistimewaan yang boleh didapati ialah penuntut UiTM berpeluang untuk menjalani tempoh latihan praktikal atau penyelidikan di Legoland bersesuaian dengan bidang yang diceburi.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor yang berlangsung pada 18 April 2016 di Hotel Legoland Johor Bahru. Perjalanan majlis telah berjalan dengan lancar dan jayanya dan kedua pihak telah Berjaya mencapai persetujuan melalui perjanjian ini.



MoU ANTARA UiTM DAN VOLGOGRAD STATE MEDICAL UNIVERSITY, RUSSIA

Universiti Teknologi MARA (UiTM), telah memeterai satu perjanjian persefahaman (MoU) bersama dengan Volgograd State Medical University, Russia yang diwakili oleh Prof. Dr. Alexander A. Spasov pada 19 April 2016, bertempat di Bilik Mesyuarat Canseleri Aras 6. Perjanjian ini merupakan satu kolaborasi di mana kedua-dua Universiti bersetuju untuk berkongsi maklumat, tenaga dan kepakaran demi kebaikan kedua-dua belah pihak.

Tujuan perjanjian ini adalah untuk memberi peluang terutamanya kepada pelajar UiTM yang menceburi bidang perubatan untuk merasai suasana pembelajaran dan sistem yang berbeza di Volgograd State Medical University yang boleh dimanfaatkan untuk kemajuan UiTM. Tambahan pula, pendedahan seperti ini juga merupakan satu latihan untuk meningkatkan kualiti mahasiswa UiTM. Semoga dengan perjanjian ini kedua pihak dapat mengambil manfaat dan digunakan untuk pembangunan pada masa hadapan.



MoU ANTARA UiTM DAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU (PPAT)

Majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) UiTM dan Perbadanan Awam Terengganu (PPAT) telah diadakan pada 4 May 2016. Pihak Universiti amat berbesar hati atas kesudian Yang Berbahagia Dato' Hajah Nor Akmal Bt Abdul Fatah, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu yang bersetuju dengan perjanjian ini .

Perjanjian persefahaman yang dimeterai ini merupakan komitmen FPM, UiTM dan juga PPAT untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan, perkongsian sumber dan pintar, latihan pelajar dan pelbagai bidang lain yang bakal diterokai sebagai manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Semoga dengan termeterai perjanjian persefahaman ini akan melahirkan pelajar yang cintakan ilmu dan suka membaca malahan bergiat lebih aktif lagi dengan aktiviti atau program yang akan dilaksanakan oleh FPM, UiTM demi memartabatkan ilmu.



ROAD TO THE OLYMPICS

Azizulhasni Awang
The Pocket Rocketman

16 March 2016



ROAD TO THE OLYMPICS: AZIZULHASNI AWANG, THE POCKET ROCKETMAN

Yayasan Sime Darby dengan kerjasama Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM telah menjemput jaguh berbasikal trek negara, Azizulhasni Awang. Beliau yang lebih dikenali dengan panggilan The Pocket Rocketman berkongsi pengalaman mengenai kejayaannya menempa nama sebagai atlet bertaraf dunia dengan para pelajar UiTM.

Azizulhasni menceritakan kisah suka dan duka dalam kariernya termasuk tertusuk serpihan kayu ketika bertanding kepada kira-kira 250 penuntut jurusan

sains sukan dan penerima biasiswa penganjur. Merangkul pelbagai kejayaan di peringkat antarabangsa, Azizulhasni berharap kisahnya itu dapat dijadikan motivasi buat pelajar untuk merangkul kejayaan.

Hadir sama pada program tersebut, Dekan FSR, Prof. Madya Dr. Mohd Hanafiah Abidin dan Timbalan Dekan (Jaringan Industri dan Penyelidikan) FSR, Datin Dr Sarimah Ismail.

MAJLIS MEMPEKENALKAN PEMAIN DAN JERSI PASUKAN UiTM FC 2016

2 Februari 2016, bertempat di Dewan Seri Budiman, UiTM Shah Alam telah berlangsung Majlis Memperkenalkan Pemain dan Jersey Pasukan UiTM FC 2016. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM yang juga merangkap Penasihat UiTM FC.

Pasukan UiTM FC mengekalkan sembilan muka lama dan diperkuatkan dengan empat pemain import bagi menghadapi saingan Liga Perdana Musim 2016. Barisan UiTM FC musim ini, diperkuatkan dengan kehadiran penjaga gol kebangsaan Krygyzstan, Pavel Matiash serta tiga lagi pemain import iaitu Kang Jin Ouk dari Korea Selatan, Eliel Cruz dari Brazil dan Pavel Purishkin dari Uzbekistan. UiTM FC juga telah melantik Raja Isa Raja Akram Shah sebagai jurulatih baharu UiTM FC yang berpengalaman membimbing pasukan Liga Super Indonesia seperti PSM Makassar dan Persipura Jayapura.

Syabas dan tahniah kepada Pasukan UiTM FC, semoga terus cemerlang dan beroleh kejayaan pada tahun ini.





Anugerah Sukan UiTM adalah sebuah majlis anugerah di UiTM yang dikendalikan oleh Pusat Sukan UiTM. Anugerah ini diadakan pada setiap tahun untuk menghargai jasa atlet dan pegawai yang memberikan sumbangan cemerlang dalam pembangunan sukan universiti. Di samping itu, ia dapat dijadikan sebagai dorongan dan motivasi untuk mempertingkatkan prestasi mereka dari semasa ke semasa.

Majlis anugerah ini merangkumi 15 jenis anugerah yang diberikan kepada atlet dan pegawai yang telah mengharumkan nama universiti sepanjang tahun 2015. Bertempat di Dewan Agong Tuanku Canselor, majlis penyampaian anugerah ini disampaikan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM. Anugerah utama iaitu Anugerah Olahragawan UiTM dimenangi oleh Khairulnizam Mohd Afendy, manakala Anugerah Olahragawati menjadi milik Khairunnieeta Mohd Afendy, kedua-dua mereka merupakan atlet perahu layar. Anugerah khas iaitu Anugerah Hall of Fame, diberikan kepada Fatin Nurfatehah Mat Salleh yang telah mengharumkan nama universiti dan juga diperingkat antarabangsa dalam sukan memanah.

SUKOL 2016

Bertempat di Stadium UiTM Shah Alam, Majlis Perasmian dan Penutup Kejohanan Sukan antara Kolej (SUKOL) telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilangnya. Bermula dari 6 Mei dan pada 20 Mei merupakan hari kemuncak kejohanan tersebut.



SUKOL yang diadakan setiap tahun adalah untuk menggalakkan pelajar kolej untuk mengambil bahagian dalam kegiatan sukan kampus, menerapkan minat dan kecenderungan pelajar dalam kegiatan sukan dan riadah dan untuk membentuk satu budaya masyarakat kampus yang berkualiti, cergas dan sihat.

Dianggarkan seramai 5000 orang pelajar dan staf yang terlibat mewakili 9 kolej termasuk Non-Resident (NR). Jumlah ini meliputi atlet, pegawai pengurusan kontingen, penyelaras, pengadil dan sukarelawan. Majlis tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said dan diiringi oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

Juara keseluruhan bagi kejohanan tersebut bagi kategori Kolej Lelaki, dimenangi oleh Non-Resident (NR), Naib Johan-Kolej Perindu dan tempat ketiga-Kolej Delima, manakala Johan bagi kategori Kolej Perempuan jatuh kepada Kolej Mawar, tempat kedua-Kolej Melati dan tempat ketiga- Non-Resident (NR).




TAHNIAH & SYABAS









Tahniah
12 Graduan Jurusan
Chartered Institute of Management Accountants
(CIMA) UiTM
Telah Lulus Peperiksaan Akhir
dan
Berjaya Menamatkan Pengajian

Daripada :
Naib Canselor & Seluruh Warga UiTM



Congratulations Universiti Teknologi MARA

For bringing home medals in various categories at the **ITEX 16** MALAYSIA

Special Awards

ASIAN INVENTION EXCELLENCE AWARD 2016 **1**
 Prof. Dr. Ku Halim Ku Hassan
 Mahabish Maza
 FACULTY OF CHEMICAL ENGINEERING

THE JAPAN INTELLECTUAL PROPERTY ASSOCIATION AWARD **2**
 Category: Best Invention in Biotechnology
 Professor Dr. Dr. Mohd. Zaki Salleh
 Professor Dr. Feh Ray Koo
 Mohd Nur Fikri Nurazman Nooruddin
 Dr. Mohamad Izzati Ismail
 CENTRE OF EXCELLENCE INTEGRATIVE PHARMACOLOGICALS INSTITUTE (IPROMIS)

Additional medals won by the university contingent:

17 Gold **9 Silver** **3 Bronze**

From: The Vice-Chancellor And The University Fraternity

TAHNIHAH

Pejabat Bendahari

Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan 2015 UiTM **16** kali berturut-turut dari Tahun 2000 Hingga 2015

Daripada:
 Naib Canselor & Seluruh Warga UiTM



Congratulations

LUQMAN HAKIM SUHAIMI
 Bachelor Of Engineering (Hons.) Electronics Engineering
 Faculty of Electrical Engineering, Universiti Teknologi MARA

Recipient of
**Undergraduate Research Award:
 Junior Research Associate (JRA) Scheme 2016
 University of Sussex, United Kingdom**

From: The Vice-Chancellor And The University Fraternity



Congratulations

Irfanah Imnaz bt. Haja Sahabudeen | Ahmad Zafir b. Rahmat
 Amirul Aziz b. Azhar | Nadia Syaza bt. Rohizam

CHAMPION OF LAW, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Champions
NOVICE ARBITRATION MOOTING COMPETITION (NAMCO)

From: The Vice-Chancellor And The University Fraternity



Congratulations
 to students from the Faculty of Law

Amira binti Ahmad Murad
 Nur Aquilah Hani binti Mohd Yunus
 Muhammad Fathan bin Alfian
 Siti Nur Dinie binti Mohd Zaidi

Champions
TUN SUFFIAN CONSTITUTIONAL LAW MOOT COURT COMPETITION 2016





MALAYSIA
#sehatsejiwa

Sambutan Hari

KEMERDEKAAN **2016**

Merdeka...! Merdeka...! Merdeka...!

#Sehati Sejiwa



KONSEP & REKA BENTUK:
BAHAGIAN CANSELERI DAN KOMUNIKASI KORPORAT